

**GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN
ANUGERAH KHIDMAT MASYARAKAT**

1.0 NAMA ANUGERAH

Anugerah Khidmat Masyarakat

2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH

Anugerah Khidmat Masyarakat diwujudkan bagi tujuan mengiktiraf warga UTM dalam kalangan staf akademik dan staf pengurusan, profesional dan pelaksana yang telah menyumbang kepada nama baik Universiti melalui aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan di dalam dan luar UTM

3.0 KATEGORI ANUGERAH

- i. Staf Akademik
- ii. Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana

4.0 KRITERIA/SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. **Syarat permohonan - (Kategori staf akademik & Staf Pengurusan, Profesional Dan Pelaksana)**
 - a. Pencalonan dibuka kepada semua staf akademik, pengurusan profesional dan pelaksana daripada setiap fakulti, bahagian atau unit (Calon boleh mencalonkan diri sendiri atau dicalonkan oleh rakan sekerja dan Ketua Jabatan).
 - b. Pencalonan juga dibuka melalui persatuan seperti PKA, PERKABA, PERTISAS, BAKES, KKA dan lain – lain.
 - c. Calon yang diperaku mestilah giat dalam persatuan / pertubuhan serta aktif dalam memberi sumbangan khidmat masyarakat secara sukarela (tidak menerima sebarang bayaran) seperti gotong – royong, ceramah dan lain – lain di dalam dan luar UTM bagi tempoh 2020 sehingga tahun 2022.
 - d. Calon yang diperaku mestilah aktif melaksanakan program/aktiviti yang memberi impak kepada komuniti secara sukarela. Walaubagaimanapun, penglibatan aktif ini

tidak termasuk staf yang mempunyai tugas hakiki yang terlibat secara langsung dalam aktiviti libatsama komuniti.

- e. Penganugerahan atau penghargaan yang diterima dari mana-mana pihak merupakan satu kelebihan kepada calon.
- f. Calon mestilah bukan penerima anugerah ini bagi tiga tahun sebelum iaitu 2020, 2021 dan 2022.
- g. Markah saringan minimum ialah 70%.

5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

5.1 Kaedah Penilaian

Kaedah penilaian dan pemarkahan adalah mengikut kriteria seperti berikut:

5.1.1 Kategori Staf

Bil.	Kriteria	Markah (%)
1.	Kepimpinan <ul style="list-style-type: none">▪ Mempamerkan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan libatsama komuniti yang boleh diukur (cth: masa yang diluangkan untuk melaksanakan aktiviti)▪ Mampu memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan warga UTM sebagai penasihat, mentor dan contoh teladan yang mempamerkan kemampuan positif dalam mempengaruhi orang lain untuk melaksanakan projek/aktiviti/program libatsama komuniti• Mampu melahirkan pemimpin baru dalam organisasi dan komuniti yang mahu terlibat dalam projek/aktiviti/program libatsama komuniti• Penilaian adalah seperti berikut:-<ul style="list-style-type: none">a. Keahlian dalam persatuan/pertubuhan di UTM – 10%b. Keahlian dalam persatuan/pertubuhan di luar UTM – 10%	20

2.	<p>Bahagian ii – kegiatan & sumbangan yang memberi impak kepada komuniti</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kegiatan/aktiviti lain di dalam UTM (selain tugas hakiki yang dilakukan secara ikhlas, tanpa mengharapkan ganjaran, dan memberi manfaat impak kepada golongan sasaran) • Kegiatan/aktiviti lain di luar UTM yang dilakukan secara ikhlas, tanpa mengharapkan ganjaran, dan memberi manfaat impak kepada golongan sasaran) • Penilaian adalah berdasarkan skala markah yang telah disertakan 	60
3.	<p>Bahagian iii – Anugerah/ penghargaan yang pernah diperolehi – 20%</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anugerah berbentuk pingat/sijil penghargaan/sokongan yang diperolehi termasuk dana/ tajaan/pembentukan • Penilaian adalah berdasarkan skala markah yang telah disertakan 	20
4.	<p>Bahagian Iv – Bonus : Jaringan Kerjasama Rakan Kolaborasi (10%)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai jaringan Kerjasama yang wujud dalam pelaksanaan aktiviti libatsama komuniti • Penilaian adalah berdasarkan bilangan kepelbagai entiti Kerjasama dalam pelaksanaan aktiviti libat sama komuniti seperti berikut : <ol style="list-style-type: none"> 1) Industri 2) Agensi Kerajaan 3) Lain – lain kerjasama 	10

6.0 JADUAL PELAKSANAAN

Jadual kerja pelaksanaan penilaian anugerah adalah seperti berikut:

Bil.	PERKARA	TARIKH	TEMPOH MASA
1	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (Urus setia Anugerah) Citra Karisma Bil.1/2023	5 Jan 2023	1 Hari
2	Proses penyediaan dan kemaskini maklumat dan kriteria Anugerah Citra Karisma	5 Jan - 8 Feb 2023	5 Minggu
3	Penghantaran softcopy cadangan Kriteria Anugerah Kepada Urus setia CK, BPO	12 Feb 2023	1 Hari
4	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Citra Karisma Bil. 1/2023	22 Feb 2023	1 Hari
5	Penyediaan kertas Kerja untuk Kelulusan JPU - Kelulusan Ulasan Bendahari	21 - 25 Feb 2023	9 Hari
6	Proses draft iklan hebahan berpusat Anugerah Citra Karisma ke web rasmi Citra Karisma (link URL anugerah)	16 - 23 Feb 2023	7 Hari
7	Pembentangan kertas kerja ke JPU	7 Mac 2023	1 Hari
8	Hebahan URL iklan berpusat Anugerah Citra Karisma ke web	7 Mac 2023	1 Hari

CITRA KARISMA 2023
Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan UTM

	rasmii Citra Karisma		
9	Proses pencalonan anugerah	7 Mac- 30 April 2023	7 Minggu
10	Tarikh Tutup Permohonan AKM 2023	30 April 2023	1 Hari
11	Mesyuarat JK Panel Penilai AKM Bil 1/2023 (Taklimat Penilaian)	13 April 2023	1 hari
12	Penyediaan Dokumentasi oleh Urusetia untuk Penilaian Panel.	11 Apr – 25 Apr 2023	15 Hari
15	Penilaian oleh Panel AKM (Staf)	2 Mei - 11 Mei 2023	9 Hari
17	Mesyuarat JK Panel Penilai Bil 2/2023 (Penilaian Pemenang)	15 Mei 2023	1 Hari
18	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Citra Karisma Bil. 2/2023	23 Mei 2023	1 Hari
19	Penghantaran maklumat Finalis & Penerima Anugerah kepada Urus setia Citra Karisma (write up, gambar & maklumat no.vot)	21 Jun - 9 Jul 2023	3 Minggu
20	Perakuan Naib Canselor	16 Jul 2023	1 Hari
21	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Citra Karisma Bil 3/2023	13 Jul 2023	1 Hari
22	Urusan pelaksanaan majlis dan jemputan	1 Jun - 15 Ogos 2023	10 Minggu
23	Majlis Citra Karisma 2023	16 Ogos 2023	1 Hari

7.0 KOS HADIAH

Bil.	Anugerah	Kategori	Pemenang	Hadiah
1.	Staf Akademik	Individu	1 Pemenang	RM1,000.00 dan sijil
2.	Staf Pengurusan & Profesional dan Pelaksana	Individu	1 Pemenang	RM1,000.00 dan sijil

8.0 URUSETIA ANUGERAH

4.	Urusetia	Pn. Nur Mazdiana Mohd Noor Azizaman (Setiausaha)	Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN)
		Pn. Nur Syamimi Binti Ab. Hamid	Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN)